

04/12/2000

Singapura mesti ambil kira kepentingan jiran

A Ghani Nasir

TUDUHAN bahawa Singapura mementingkan diri sendiri dan hanya mahu mengaut keuntungan dalam apa jua urusan dengan jirannya, terutama Indonesia, bukanlah perkara baru.

Lantaran itu, ledakan leteran Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau lebih dikenali dengan panggilan Gus Dur, baru-baru ini tidaklah memeranjatkan.

Gus Dur dalam pertemuan dengan masyarakat Indonesia di akhir sidang puncak tidak rasmi Asean di republik itu, dilaporkan menuduh Singapura mengetepikan kepentingan jirannya dan mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi di Indonesia selain hanya mementingkan faedah yang dapat diraihinya hasil pelbagai urusan.

Berikutan itu, Gus Dur mengajak Malaysia menggunakan bekalan air sebagai senjata untuk menjerat republik itu supaya mengambil kira kepentingan jirannya apabila membuat sesuatu keputusan, terutama yang melibatkan rantau ini.

Reaksi pemerintah Singapura serta ulasan akhbar utamanya, The Straits Times dan dua akhbar Jakarta terhadap tuduhan itu jelas menunjukkan apa yang menjadi bahan kecaman dan leteran Gus Dur itu tidak boleh dipandang ringan.

Sudah tentulah Kementerian Luar Singapura mempunyai segala jawapan terhadap tuduhan Gus Dur itu sama ada berkaitan perkembangan Asean, soal perdagangan dua hala, spekulasi mata wang rupiah atau pun ramalan Menteri Kanan, Lee Kuan Yew, terhadap masa depan pemimpin Indonesia itu.

Ia mahu bukti kukuh mengenai tuduhan kononnya minyak dari Indonesia diseludup melalui Singapura dan menolak anggapan pemerintah republik itu terlibat dalam dagangan mata wang membabitkan rupiah.

Dalam kenyataannya, Singapura menekankan sebagaimana pusat kewangan antarabangsa yang lain seperti New York atau Hong Kong, jual-beli mata wang diurus oleh bank komersial antarabangsa dan institusi kewangan lain yang di luar kawalannya. Keadaan di Indonesia pula, katanya, akan tetap goyah selagi kestabilan belum wujud.

Bagaimanapun, The Straits Times agak lebih lantang dalam mengupas leteran itu.

Dalam pada itu, laporan wakilnya dari Jakarta turut mengandaikan kononnya hanya selepas diberitahu oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perjanjian air Malaysia-Singapura, barulah Gus Dur mengecam sikap Singapura.

Soal memotong bekalan air, kata akhbar itu, adalah satu perkara paling sensitif. Malah, Singapura menganggap sebarang ancaman untuk menghentikan bekalan air sebagai satu tindakan pencerobohan.

Indonesia belum pun membekalkan air dari Riau ke republik itu dan sedang memujuk Singapura membelinya.

Dalam soal bekalan air, semua pihak tahu, dengan hanya membayar beberapa sen saja bagi setiap 1,000 gelen air mentah yang disalur dari beberapa batang sungai di selatan Johor, Singapura menjualnya hingga pada kadar S\$20 segelen kepada pengguna di republik itu, termasuk kapal dagang asing di pelabuhannya.

Perkara ini pasti berterusan selagi air mentah saja dijual kerana kos memproses air di loji Singapura dicampur pelbagai belanja lain adalah tinggi. Republik itu akan terus meraih keuntungan daripada perjanjian bekalan air yang berat sebelah ini.

Jakarta akan turut sama berasa tertipu apabila bekalan dari air sungai di Riau mula dijual ke republik itu.

Tetapi hakikat tetap hakikat - tanpa perlu dirawat air dari sungai itu masih boleh diminum dan digunakan sepenuhnya oleh rakyat Indonesia sendiri.

Selama ini tidak ada penduduk Riau yang sakit atau mati kerana minum air mentah dari sungai. Jauh bezanya jika penduduk Singapura terpaksa berbuat demikian.

Jika Indonesia merawat air itu untuk rakyatnya dan kemudian menjual selebihnya kepada Singapura, mungkin ia tidak menguntungkan. Jadi kesudahannya jual sajalah air mentah dengan harga murah. Apa yang hendak dibebelkan.

Apa kata jika keadaan begitu meruncing hingga bekalan air mentah dari Malaysia dan Indonesia benar-benar dihentikan?

Senario yang mungkin wujud: Singapura menyerang selatan Johor dan Riau sambil menawan seluruh kawasan tadahan air di dua wilayah jirannya itu.

Mampukah tentera Singapura bertindak pantas melumpuh dan memeranjatkan sistem pertahanan?

Ini mungkin boleh dilakukannya dengan peralatan dan teknologi canggih dalam perang zaman digital ini, apatah lagi angkatan udaranya kuat dan besar.

Malah, dengan pesawat perisik AWACS sentiasa berlegar di udara dan memberikan segala maklumat, kawasan selatan Johor mudah ditawannya bagi menyelamatkan sumber bekalan airnya.

Apa yang dibimbangkannya sudah pasti tindak balas atau serangan tentera Indonesia hingga mengalihkan tumpuannya di Johor.

Cuma Singapura tidak mungkin mampu bertahan lama menawan selatan Johor dan Batam. Langkah selanjutnya adalah membawa rayuannya ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York dan membentangkan kesnya.

Bagaimanapun, sebenarnya Singapura, Malaysia mahupun Indonesia tidak mahu tercetus peperangan apatah lagi mengenai air. Kuala Lumpur tentunya sedia bertolak-ansur dalam isu ini atas dasar perikemanusiaan.

Lagipun, tali persaudaraan Melayu Singapura yang mempunyai ramai sanak saudara di sini tidak akan membuat kita tergamak memutuskan bekalan air.

Tetapi reaksi akhbar Bisnis Indonesia dan Harian Republika menunjukkan Jakarta tetap curiga akan tindak-tanduk Kuan Yew.

Republika menuduh negara jirannya itu tidak bersikap jujur dalam hubungan mereka.

Sebagai contoh, katanya, Singapura enggan memeterai perjanjian ekstradisi dengan Indonesia dan tidak mahu mengumumkan perangkaan perdagangan dua hala.

Ini kerana Singapura mahu melindungi kegiatan konglomerat Cina Indonesia yang melarikan keuntungan ke republik itu selain banyak barangan diseludup dari Indonesia.

Kuan Yew juga, kata akhbar itu, dianggap sebagai pemimpin Cina seberang laut yang menguasai ekonomi di rantau Asia-Pasifik dan sebarang ulasan dan pendapatnya boleh mempengaruhi ramai pedagang Cina, termasuk di Indonesia.

Bagaimanapun, Bisnis Indonesia lebih pedas dalam ulasannya terhadap isu itu dengan menekankan hakikat Singapura sanggup melakukan apa saja demi survivalnya.

Tahap kemajuan dan pembangunan Singapura sebagai pusat perkhidmatan dan pengedaran barangan hasil daripada keazaman pemimpinya selama ini menyebabkan republik itu mudah mengambil kesempatan daripada kelembapan negara jirannya.

Republik itu akan melakukan apa saja untuk mengaut keuntungan, terutama daripada pakej menang-menang. Satu contoh diberikan adalah keghairahan Singapore Airlines dan Silkair mengadakan penerbangan ke Indonesia

sedangkan Garuda tidak berupaya menyainginya.

Apa yang lebih menarik lagi adalah kesimpulan akhbar itu yang menggesa agar Jakarta sentiasa berwaspada terhadap rancangan Singapura untuk menjadi pintu masuk bagi laluan laut dan udara ke Indonesia, atau lebih dahsyat lagi sebagai pusat untuk menguasai pertumbuhan negara jirannya itu.

Walau apapun andaian dan kemungkinan, satu hakikat yang harus diterima adalah Singapura telah menggunakan kedudukan strategik dan kelebihan peninggalan British untuk membina ekonominya berbanding jirannya yang masih dibelenggu pelbagai masalah.

Tumpuan pedagang Cina seberang laut ke Singapura sejak awal 50-an membantu republik itu mencapai kemajuan pesat sebagai pusat dagangan dan pelabuhan di rantau ini. Semua ini dicapai sedang negara jirannya terkebelakang dan berusaha menggiatkan pertumbuhan perindustrian.

Jadi, tidak hairanlah dengan kedudukan di depan dengan dilengkapi pelbagai infrastruktur membawanya melayari era teknologi maklumat meninggalkan jiran, Singapura boleh memperkudakan jirannya untuk memastikan kedudukannya sebagai negara maju dan memasuki Dunia Pertama tidak tergugat.

(END)